

قُلْ بِرَوْحَنْ

PETIKAN TITAH

"KITA mestilah meneruskan tradisi-tradisi kita yang berkebijakan, lebih-lebih lagi tradisi keugamaan yang telah biasa kita amalkan, sekalipun terdapat golongan-golongan yang mungkin tidak menyenangi, iaitu golongan mana sedang bertebaran di serata dunia ini."

- Titah Sempena Hari Raya Aidiladha 1417 Hijrah/1997 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN Kami telah menjadikan siang dengan cahaya terangnya masa untuk mencari rezki."
- (Surah An-Naba' ayat 11).

TAHUN 58 / BILANGAN 44

13 APRIL 2013 / 1434 2 ربيع الآخر

EDISI SABTU / PERCUMA

Brunei-Indonesia kukuhkan kerjasama dua hala

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Po Yih Kim@Anjelin Po

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,

Pg. Amirulizam Pg. Haji Mohd. Ali, Hernie Sulaina Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 11 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Marty Natalegawa mempengerusikan bersama Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala (JCBC) Ke-3 di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia.

Mesyuarat berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Sejurus pembukaan mesyuarat tersebut, kedua-dua menteri telah menyampaikan kenyataan yang antara lain menekankan kemajuan yang sangat baik dalam hubungan dua hala

Buku Projek Kerjasama Perhutanan ASEAN-ROK dilancarkan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Siti Zaleha Haji Jalil

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

JERUDONG, Khamis, 11 April. - 'The Flowering Plants Endemic To Brunei Darussalam 2012' merupakan sebuah lagi buku terbaru yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebagai salah satu inisiatifnya menjaga kahanan hutan di negara ini.

Buku ini merupakan pembentangan pertama mengenai tumbuhan berbunga endemik kepada Negara Brunei Darussalam dan mengandungi dokumentasi sebanyak 65 tumbuhan berbunga yang

dikenal pasti sebagai endemik kepada Brunei Darussalam. Dari pada jumlah tersebut 35 daripadanya adalah dari jenis herba.

Penyediaan dan penerbitan buku ini dilaksanakan di bawah 'Projek Kerjasama Perhutanan ASEAN - Republik Korea (ASEAN-ROK) : Biodiversiti tumbuhan Brunei - Endemik dan Pangkalan Data' di antara Jabatan Perhutanan dan Perkhidmatan Hutan Korea dengan kerjasama Sekretariat ASEAN.

Ke muka 24



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Marty Natalegawa menandatangani minit yang dipersetujui bagi Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala (JCBC) Ke-3.

Dialog belia dengan agensi-agensi kerajaan lebih fokus isu-isu kepentingan bersama

Oleh : Aryenty Haji Ariffin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Khamis, 11 April. - Golongan belia di Negara Brunei Darussalam, perlulah secara bijak dan kolektif menggunakan saluran Majlis Belia-Belia Negara Brunei Darussalam sebagai institusi muzakarah belia-belia untuk membincangkan kepentingan golongan belia dan merancangkan kegiatan-kegiatan belia yang dapat menyumbang kepada pembangunan belia sendiri dan juga kepada pembangunan masyarakat negara.

Ke muka 3

DI DALAM

Muka 3

BERKENAN berangkat
ke Majlis Dialog Belia Ke-5

Muka 4

KOMUNITI Ekonomi ASEAN
capai hala tuju



ASEAN SUMMIT 2013 BRUNEI DARUSSALAM

11
HARI LAGI

Bebaskan negara dari penyakit tibi

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera

ALHAMDULILLAH bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alai kerana dengan rahmat, hidayah serta izin-Nya juga kita bersama-sama dapat menghadiri Majlis Sambutan Hari Tibi Sedunia 2013 pada pagi ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2011 adalah dianggarkan 8.7 juta kes penyakit tibi yang baru aktif dilaporkan dan menyebabkan kira-kira 1.4 juta kematian di seluruh dunia. Lebih 95 peratus kematian akibat penyakit tibi berlaku di negara-negara yang berpendapatan rendah dan sederhana di mana lebih separuh daripada jangkitan dan kematian tersebut berlaku di Benua Asia.

Di sebalik perangkaan dunia yang membimbangkan ini, usaha terus dilaksanakan di peringkat global, serantau dan kebangsaan untuk sama-sama menghentikan penularan penyakit tibi. Salah satu daripada usaha di peringkat global ialah 'Stop TB Partnership' yang ditubuhkan pada tahun 2001 yang merupakan kerjasama pergerakan peringkat global untuk menyatukan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti organisasi kerajaan dan bukan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan orang-orang perseorangan yang bertujuan untuk mempercepatkan tindakan sosial dan politikal bagi menghalang penularan penyakit tibi.

Manakala Pelan Global untuk Membendung Tibi bagi tempoh 2006 hingga 2015, telah menggariskan aktiviti-aktiviti yang dihasratkan bagi menghasilkan impak yang lebih berkesan terhadap bebanan global penyakit Tibi selaras dengan sasaran pencapaian 'Millennium Development Goals'. Pelan Global ini dilihat sebagai satu pendekatan yang lebih bersistematis ke arah penghapusan penyakit tibi yang dianggap sebagai masalah kesihatan awam global dan seterusnya merealisasikan wawasan WHO bagi dunia bebas daripada penyakit tibi menjelang pada tahun 2050.

Jika kita melihat senario Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2012 telah mencatatkan 243 kes baru penyakit tibi iaitu pada kadar insiden 61.8 bagi setiap 100,000 penduduk di negara ini. Ini termasuklah 25 peratus kes penyakit tibi di kalangan warga asing. Walau bagaimanapun, tidak ada kematian yang direkodkan disebabkan oleh penyakit tibi. Kadar insiden ini sebenarnya adalah jauh lebih rendah dibandingkan dengan catatan pada tahun 2000 di mana pada ketika itu, kadar



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adenan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof.

insiden penyakit tibi ialah 91.9 bagi setiap 100,000 penduduk di negara ini. Dari hasil dapatan ini jelas menunjukkan kesan positif ke atas usaha-usaha yang telah dilaksanakan terhadap langkah-langkah pencegahan dan pengawalan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya melalui Kementerian Kesihatan yang terus menerus meningkatkan inisiatif sejak penubuhan Program Tibi Kebangsaan pada tahun 2000 dengan hasrat bukan sahaja untuk mengurangkan kadar penyakit tibi yang signifikan malahan bagi menghapuskan penyakit tibi di negara ini. Ke arah itu, saya suka citanya agar usaha terus dilipatgandakan, pelan-pelan tindakan dan program-program yang sedia wujud semestinya alah direbiu dan dikemas kini secara holistik supaya dapat menghasilkan impak yang lebih signifikan, lebih efektif dan lebih berkesan demi mencapai hasrat negara bebas daripada penyakit tibi, insya-Allah.

Saya juga berpendapat persefahaman dan meningkatkan semangat kerjasama kukuh bukan sahaja di kalangan profesional dan pekerja-pekerja kesihatan yang terlibat dalam pengesanan dan rawatan penyakit tibi tetapi juga daripada pesakit tibi itu sendiri, ahli-ahli keluarga mereka dan masyarakat di negara ini adalah asas utama yang sangat berperanan penting untuk menjayakan program pencegahan dan pengawalan ke arah menghapuskan penyakit tibi di negara ini. Ini adalah mengambil kira bahawa penghidap penyakit tibi memerlukan tempoh rawatan yang lama mengikut prosedur yang tertentu

dan mesti dilalui oleh pesakit di mana sudah setentunya menghendaki komitmen, kerjasama dan sokongan yang jitu daripada semua pihak yang berkenaan.

Di dalam mempertingkatkan usaha pencegahan dan pengawalan penyakit tibi, adalah tidak dapat dinafikan bahawa para profesional dan pekerja kesihatan memainkan peranan yang penting. Bagi kebanyakan pesakit-pesakit tibi, pekerja-pekerja kesihatan adalah titik permulaan bagi penjagaan kesihatan dan rawatan penyakit tibi. Memahami dan mengikuti Standard Operating Procedure (SOP) atau garis panduan-garis panduan terhadap rawatan penyakit tibi hendaklah digunakan dan dipraktikkan sepenuhnya bagi memastikan penyakit tibi dapat dikesan dan diberikan rawatan pada peringkat awal, pemantauan berterusan, memastikan kejayaan rawatan dan mengelakkkan kemungkinan berlakunya *antibiotic resistant, multi-drug resistant TB* (MDR-TB) dan malah lebih membimbangkan lagi *extensively drug-resistant TB*.

Selain daripada pengetahuan serta amalan profesional yang dimaksudkan tersebut, ciri-ciri nilai kerja yang murni lagi terpuji seperti bersopan santun, berbudi bahasa, prihatin dan pemedulian kepada pesakit perlu juga diserapkan dan dihayati semasa membuat pemeriksaan dan rawatan kepada pesakit. Penjelasan dan keperluan rawatan yang rapi serta risiko penyakit tibi semestinya juga difahamkan kepada pesakit dan keluarga, di samping memberikan semangat, motivasi dan keyakinan di mana pesakit tibi boleh dirawat sepenuhnya jika mematuhi arahan dan nasihat mengikut tatacara rawatan yang ditentukan. Ini adalah kerana seperti mana kita sama-sama maklum, tempoh rawatan penyakit tibi memerlukan masa yang begitu lama di mana kadangkala pesakit mudah merasa bosan atau putus asa, lebih-lebih lagi jika rawatan yang mereka jalani terdapat masalah atau kompleks.

Rawatan penyakit tibi jika tidak mendapat kerjasama apatah lagi komitmen sepenuhnya daripada pesakit dan kurang sokongan daripada ahli keluarga pesakit, maka sikap seperti ini bukan saja memudaratkan pesakit itu sendiri tetapi juga membahayakan dan mendatangkan risiko kesihatan dan keselamatan orang-orang di sekeliling mereka dan masyarakat di negara ini. Perkara ini mestilah dielakkan kerana terdapat implikasi negatif yang mana rawatan yang tidak betul dan tidak berterusan boleh mengakibatkan kejadian *antibiotic resistant* iaitu apabila penyakit tibi tidak lagi dapat dirawat oleh ubat-ubat antibiotik yang diberikan.

Ke muka 5

Dari Sidang Pengarang.

13 APRIL 2013 BERSAMAAN 1434 2 جمادى الآخر

TAMBAH PENDAPATAN MELALUI PERNIAGAAN 'ONLINE'

TEKNOLOGI maklumat dan komunikasi masa kini telah banyak membawa perubahan kepada kehidupan sehari-hari kita. Keperluan perhubungan melalui teknologi canggih mampu menukar perjalanan pekerjaan kita daripada yang sukar kepada senang. Sekali gus kemunculan peralatan canggih inilah yang menjadikan kita mampu memikirkan dan melangkah lebih maju ke hadapan untuk berjaya. Salah satu cara untuk berjaya ialah dengan menceburti bidang perniagaan menggunakan 'internet' atau lebih dikenali perniagaan secara 'online'.

Kemunculan beberapa media baru dan peralatan canggih mempopularkan lagi landskap perniagaan online secara berterusan dan mudah dilayari. Senarai barang-barang yang hendak dibeli dipaparkan berserta maklumat semata-mata untuk menarik minat pembeli. Jika pembeli benar-benar menghendaki barang tersebut, pembeli perlu membuat pesanan dengan menyatakan keterangan diri, alamat dan jumlah barang yang hendak dibeli dan bagaimana cara transaksi dilakukan. Ini bagi memudahkan penjual dan pembeli berurus.

Dalam satu kajian yang dilakukan tahun lepas di Asia Tenggara yang mana perniagaan secara e-Dagang telah berkembang pada kadar 21.1 peratus iaitu sekitar BND1 trilion buat pertama kali dan jumlah pemakaian pembelian masyarakat telah naik daripada dua kepada tiga langgan setiap tiga bulan dan seterusnya membelanjakan kira-kira BND300 hingga BND400. Ini menunjukkan bahawa peniaga-peniaga secara 'online' telah mengubah cara perbelanjaan pengguna dari pembelian di kedai kepada pembelian dari laman 'online'.

Bagai cendawan tumbuh selepas hujan, di negara kita juga persaingan perniagaan secara 'online' ini memang banyak. Perkara ini boleh dilihat dengan berkembangnya jumlah penduduk yang mempunyai pengetahuan tentang internet. Menurut Internet World Stats: Usage and Population Statistics, perangkaan tahun 2010 menunjukkan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang menggunakan 'internet' ialah berjumlah sekitar 318,900 pengguna. Statistik ini menunjukkan lebih separuh penduduk di negara ini mempunyai pengetahuan tentang 'internet'. Dengan jumlah tersebut tidak mustahil ramai penduduk di negara ini akan berkecimpung dalam perniagaan 'online' bagi menambahkan pendapatan.

Dalam hal perniagaan ini, semua penjual mempunyai cara tersendiri untuk menarik hati pelanggan seperti memberikan potongan harga yang jauh lebih murah daripada membeli di kedai dan juga inisiatif penjual sendiri untuk membuat penghantaran barang yang dipesan oleh pelanggan dengan percuma. Langkah-langkah lain yang sering dipraktikkan penjual secara 'online' ialah dengan mempromosi secara terus kepada pelanggan yang aktif dengan produk-produk yang baru dan terkini.

Namun demikian, sebagai penjual kita tidak boleh mengamalkan perkara-perkara yang tidak adil kepada pengguna seperti memperdaya atau mengelirukan pengguna, membuat kenyataan palsu terhadap produk dan perkhidmatan, mengambil kesempatan ke atas pengguna yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai produk atau perkhidmatan yang diberikan.

Pengguna juga diingatkan untuk tidak membuat transaksi tanpa ada pengesahan yang benar-benar pasti untuk mengelakkan kejadian penipuan. – Ketua Penyuntingan.

SIDANG PENGARANG

Ketua Penyuntingan

Eddy Iswandy Haji Ismail, Ishak Haji Othman

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Hajah Norpisah Md. Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanishah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Noorali

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Penterjemahan

Hajah Musmariati Haji Mohammad

Pereka Letak

Mohammad Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Hatrul Hazmi Abd. Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin



Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Pg. Haji Walyuddin Pg. Haji Ahmad,
Dk. Haja Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Zawiyatur Ni'mah Mohd. Akir,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratin Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryenty Haji Ariffin

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Dialog Belia Ke-5, berlangsung di Dewan Utama Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.



TURUT hadir dalam majlis tersebut ialah Ahli-ahli Yang Berhormat, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Berkenan berangkat ke Majlis Dialog Belia Ke-5



JUGA hadir dalam majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Oleh : Aryenty Haji Ariffin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Khamis, 11 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Dialog Belia Ke-5, berlangsung di Dewan Utama Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Tujuan Dialog Belia diadakan sebagai *platform* bagi golongan belia untuk menyuarakan idea, pandangan, harapan dan cita rasa mereka dalam menghadapi cabaran-cabarannya yang dihadapi dan sumbangan yang boleh mereka berikan kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Sesi dialog telah dihadiri lebih 200 belia yang berumur 15 hingga 40 tahun terdiri daripada para penuntut sekolah-sekolah menengah di Daerah Tutong, Persatuan Belia Brunei-Muara, Belait dan Temburong, Belia Cinta Tanah Air, bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Majlis Belia Daerah Tutong.

Dalam dialog tersebut beberapa cadangan telah disuarakan oleh para ahli antaranya ialah mengenai bantuan kewangan bagi bekas pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB) dan sekolah vokasional, bekas pelatih Pusat Al-Islah dan penggiat seni.

Sebanyak BND1 juta telah diperuntukkan bagi Program Belia Berdikari telah diluluskan melalui perbincangan Bahagian Unit Keusahawanan dengan Kementerian Kewangan, BEBD dan iCentre.

Cadangan seterusnya adalah mengenai pelatih PPB dan sekolah vokasional yang belum mendapat pekerjaan yang mana inisiatif PPB adalah dengan mengadakan karnival kerja, temu duga terbuka, kerjasama dengan majikan di sektor swasta bagi menyediakan tenaga kerja (bekas pelatih) mengikut kesesuaian, menggalakkan bekas pelatih untuk berdaftar dengan Agensi Pekerjaan Tempatan, menawarkan Program Pembangunan Kemahiran Belia untuk mendapatkan *micro-grant* bagi memulakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan menawarkan kursus jangka pendek yang mempunyai peluang pekerjaan.

Turut dicadangkan adalah aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan seperti Kataklaju, Sounds Of Hope (Believe Youth Association), Brunei Adventure Recreation Association (BARA) dan lain-lain yang mana Pusat Belia, Bandar Seri Begawan dijadikan sebagai *focal point* dan setakat ini 11 buah persatuan belia berpusat di sana.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, Ahli-ahli Yang Berhormat, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dialog belia dengan agensi-agensi kerajaan lebih fokus isu-isu kepentingan bersama

Dari muka 1

Di samping itu, golongan belia juga perlu mewujudkan hubungan yang lebih bermakna dan konstruktif dan memastikan suara dan pandangan mereka dibawa kepada dialog dengan agensi-agensi kerajaan lebih fokus, terarah dan merupakan isu-isu kepentingan bersama golongan belia di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata demikian dalam ucapan alu-aluan pada Majlis Dialog Belia yang diadakan di Dewan Utama Seri Kenangan, Tutong.

Yang Berhormat berkata adalah suatu yang mendukacitakan apabila kedengaran daripada golongan belia mahupun juga pihak individu belia itu sendiri mengatakan tidak terdapat saluran kepada mereka untuk menyuarakan pandangan dan pendapat atau mereka menyatakan tidak mengetahui terdapat saluran-saluran bagi mereka untuk berbuat demikian.

"Sebagai sifat belia, mereka perlu mempunyai sifat 'berkarir' mencari maklumat bukannya dengan sewenangnya sahaja membuat kenyataan tidak terdapat saluran atau tidak mengetahui terdapatnya saluran untuk mereka," tegas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, Majlis-majlis Belia NBD telah wujud sejak tahun 60-an sedang mengharap menggunakan kelebihan, penglibatan, komitmen dan kepimpinan dalam kalangan belia-belia sendiri untuk mengerakkannya secara dinamik dan menggunakan institusi berkenaan untuk mengetengahkan isu-isu pembangunan belia secara terarah dan bertanggungjawab.

Golongan belia di negara ini, jelas Yang Berhormat, sangat beruntung kerana mendapat perhatian dan pemedulian daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sama ada dalam aspek pembangunan, pendidikan dan modal insan golongan belia.

Yang Berhormat menegaskan, perkara itu diperkuahkan lagi dengan tema khusus yang diberikan kepada Belanjawan 2013/2014 iaitu 'Belia Berwawasan Pemangkin Pembangunan Negara Yang Berdaya Tahan'.

Selaras dengan tema tersebut, tambah Yang Berhormat, penekanan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2013 - 2014, di samping pembangunan-pembangunan yang lain ialah ke arah membangun kapasiti golongan belia melalui pendidikan dan program-program pembangunan belia yang meluas yang mencakupi jati diri, disiplin, kemahiran, keusahawanan, kemasyarakatan dan kerohanian.

Yang Berhormat menjelaskan, penyediaan peruntukan untuk

Program Belia Berdikari sejumlah BND1 juta dihasilkan bagi menambah nilai program-program pembangunan belia khususnya dalam bidang keusahawanan dan latihan kemahiran merupakan keprihatinan pihak kerajaan dalam usaha untuk membangun belia di negara ini.

Yang Berhormat berharap para belia akan menggunakan peluang yang diberikan ini untuk sama-sama bergandingan bahu dan memikirkan perkara-perkara yang lebih serius, relevan dan bersepadan ke arah mengerakkan program dan kegiatan pembangunan belia di negara ini dengan bersloganan 'Oleh Belia Untuk Belia'.

Golongan belia, kata Yang Berhormat, perlu bangun

menyumbang ke arah kemantapan pembangunan negara dan mengisikan potensi belia sebagai aset penting pembangunan negara yang berasaskan kepada pendidikan, kemahiran, kreativiti dan inovasi yang berlandaskan kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan mendukung kepada Wawasan Brunei 2035 dan mewujudkan Negara Zikir.

Yang Berhormat menjelaskan, dengan adanya pertemuan seumpama ini akan dapat memberikan lagi semangat kepada belia-belia di negara ini untuk lebih proaktif, dinamik dan tampil ke hadapan dalam sama-sama menanam tanggungjawab membina negara dan menangani isu-isu yang berhadapan dengan golongan belia.



SESI dialog yang dihadiri oleh para penuntut sekolah-sekolah menengah di Daerah Tutong, Persatuan Belia Brunei-Muara, Belait dan Temburong, Belia Cinta Tanah Air, bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Majlis Belia Daerah Tutong.

Komuniti Ekonomi ASEAN capai hala tuju



PARA Menteri ASEAN bergambar ramai pada Sidang Mesyuarat Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Hasrat bagi merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang 2015 kini hampir mencapai hala tuju yang disuarakan pada tahun 2007 ketika bersidang di Republik Singapura.

Pada Mesyuarat AEC Ke-9 yang dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (II) Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng di Pusat Persidangan Antarabangsa, para menteri telah menilai dan merebuu antara lain empat perkara yang mana mereka telah mengambil maklum perkembangan pelaksanaan Blueprint AEC yang mana 77.5 peratus telah dilaksanakan.

Dalam mesyuarat itu, para menteri juga telah mengambil maklum tentang sektor merentasi kerjasama, yang mana

mereka telah memaklumi perkembangan prosesnya dan membincangkan cara-cara bagi menyelesaikan beberapa cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengimplementasian AEC di bawah beberapa badan sektoral menteri-menteri.

Para menteri juga mengesahkan tentang pentingnya bagi mengukuhkan kolaborasi dan koordinasi merentas sektor-sektor dan dengan semua stakeholders pada peringkat nasional dan serantau.

Selain itu, para menteri juga memaklumi progres-progres komitmen yang dibuat di bawah beberapa sektor perkhidmatan termasuk di bawah

pengangkutan udara dan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan serta mereka juga mengambil maklum pada usaha yang berjalan bagi meningkatkan Rangka Kerja Perjanjian bagi Perkhidmatan-Perkhidmatan ASEAN, AFAS.

Di mana dalam hal, berikutan Penandatanganan Perjanjian bagi Pergerakan Orang-Orang Natural ASEAN, MNP ketika Sidang Kemuncak ASEAN Ke-21 tahun lalu yang mana para menteri dalam mesyuarat itu telah mengesahkan Jadual-jadual Komitmen bagi semua ahli ASEAN bagi Perjanjian MNP yang mana menjangka dapat memudahkan pergerakan bagi pelabur-pelabur, orang-orang bermiaga dan buruh

berkemahiran di antara negara-negara ahli ASEAN.

Para menteri juga merebuu semula inisiatif-inisiatif di bawah Rangka Kerja Perjanjian bagi Pembangunan Ekonomi Saksama (AFEED) dan mengalau-alukan penekanan yang diletakkan pada pembangunan perusahaan kecil dan sederhana dalam rantau ini.

Dalam hal Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) para menteri telah mengambil maklum tentang perkembangan-perkembangan negosiasi RCEP yang telah dilancarkan November 2012 khasnya bagi persediaan kerja substansial yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dan memandang ke depan bagi permulaan negosiasi RCEP yang mungkin berpotensi menghasilkan satu Kawasan-kawasan Bebas Perdagangan terbesar di dunia.

Sementara itu, dalam Saling Hubungan ASEAN (ASEAN Connectivity) para menteri telah maklum mengenai usaha-usaha yang sedang berjalan oleh Komiti

Koordinasi Saling Hubungan ASEAN (ASEAN Connectivity Coordinating Committee - ACCC) bagi mengukuhkan dan memantau pengimplementasi bagi Pelan Utama untuk Saling Hubungan ASEAN, MPAC dalam bidang-bidang fizikal yang saling terhubung, institusi yang saling terhubung dan saling berhubungannya masyarakat.

Di samping itu, para menteri juga lebih memaklumi mengenai cadangan-cadangan mengadakan Simposium Saling Hubungan ASEAN Ke-4 (4th ASEAN Connectivity Symposium) yang dijadualkan di negara ini penghujung tahun nanti dan mereka juga memaklumi simposium itu akan memfokuskan bagi melibatkan sektor swasta dan meneroka potensi 'Public Private Partnership' (PPP) ke arah mengimplementasikan MPAC.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri sama oleh beberapa menteri dan wakil-wakil serta Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Ekonomi ASEAN, Tuan Lim Hong Hin.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (II) Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng semasa mempengerusikan Mesyuarat AEC Ke-9.

Delegasi AEC diraikan

Mesyuarat AEC yang berlangsung menumpukan kepada perbincangan mengenai pelaksanaan Pelan Tindakan AEC terutama dalam sasarananya mewujudkan AEC menjelang 2015.

Pada sidang tersebut, mesyuarat juga akan mengkaji semula kemajuan yang dibuat bagi memudahcarakan dan menggalakkan lagi aliran perkhidmatan dan profesional yang merentasi sempadan, pembangunan dalam rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau 'Regional Comprehensive Economic Partnership' (RCEP) serta pelaksanaan pelan induk dalam kesalinghubungan ASEAN.

Hasil cadangan-cadangan daripada mesyuarat tersebut akan disampaikan kepada pemimpin-pemimpin ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 yang dijadualkan akan berlangsung pada 24 dan 25 April ini.

Majlis AEC adalah salah satu daripada tiga majlis komuniti yang ditubuhkan di bawah carta 9 Perkara Piagam ASEAN untuk mengawal pelan kerja ke arah mewujudkan Komuniti

ASEAN.

Fungsi AEC pada dasarnya adalah untuk memantau pelaksanaan Pelan Tindakan AEC, menyelaras badan-badan sektor di bawah bidang kuasanya dan mengemukakan laporan termasuk cadangan-cadangan kepada Sidang Kemuncak ASEAN.

Di samping itu, AEC juga mempunyai beberapa tunggak utama di bawah rangka tindakannya iaitu pasaran tunggal, asas pengeluaran, daya saing serantau, perkembangan ekonomi, integrasi dalam ekonomi global, keberkesanan

dalam kepelbagaiannya bidang dasar termasuk perdagangan, pelaburan, masalah kewangan, pertanian dan perhutanan, pengangkutan, tenaga, pelancongan, telekomunikasi dan teknologi maklumat.

Komuniti Ekonomi ASEAN itu juga akan membawa faedah berganda kepada ASEAN dalam mengintegrasikan ekonomi supaya lebih kukuh dan menjadi destinasi pelaburan perdagangan yang hebat di rantau dengan hasrat agar pencapaian itu akan dapat memberi faedah kepada 600 juta penduduk ASEAN.



MAJLIS Makan Tengah Hari yang berlangsung di Dewan Bankuet, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



JAMUAN Makan Tengah Hari yang dianjurkan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (II) Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng kepada delegasi Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) bersempena Mesyuarat AEC Ke-9.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (II) Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng meraikan delegasi Mesyuarat Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) Ke-9 dengan Jamuan Makan Tengah Hari, berlangsung di Dewan Banket, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Majlis Makan Tengah Hari dihadiri oleh Under Secretary of State, Ministry of Commerce, Kingdom of Cambodia, Tuan Yang Terutama Channmeta Khan; Coordinating Minister for

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Hernie Suliana Haji Othman

Economic Affairs, Indonesia, TYT M. Hatta Rajasa; Vice Minister of Industry and Commerce, Lao PDR, TYT Siaosavath Savengsoukha; Secretary General, Ministry of International Trade and Industry, Malaysia, Dr. Rebecca Fatima Sta Maria; Union Minister, Ministry of National Planning and Economic Development, Myanmar, TYT Kan Zaw; Secretary, Department of Trade and In-

dustry, Philippines, TYT Gregory L. Domingo; Minister of Trade and Industry, Singapore, TYT Lim Hng Kiang; Director-General, Department of Trade Negotiations, Thailand, Puan Piramol Charoenpao; Minister of Industry and Trade, Viet Nam, TYT Dr. Vu Huy Hoang dan Deputy Secretary General for ASEAN for ASEAN Economic Community, ASEAN Secretariat, Lim Hong Hin.

Setiausaha Parlimen Negara, Kementerian Kesihatan, Republik Persekutuan Jerman diraikan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

JERUDONG, Rabu, 10 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof meraikan Setiausaha Parlimen Negara, Kementerian Kesihatan, Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Annette Widmann-Mauzdengan dan rombongan dengan Majlis Makan Malam, berlangsung di Restoran Li Gong, The Empire Hotel and Country Club.

Ketibaan Puan Yang Terutama Annette Widmann-Mauzdengan dan rombongan yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan, Republik Persekutuan Jerman dialu-alukan oleh Menteri Kesihatan serta pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu pada sebelah petangnya, satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kerjasama dalam bidang kesihatan antara kedua-dua buah negara juga ditandatangani yang mana kerjasama dalam MoU itu akan mengembangluaskan lagi peluang bagi kedua-dua buah negara.

Di samping itu, ia juga akan mengeratkan lagi hubungan dua hala khususnya dalam bidang kesihatan dan seterusnya melaksanakan kerjasama dalam pelbagai bidang kesihatan.

Puan Yang Terutama dan rombongan berada di Negara Brunei Darussalam dalam lawatan kerja selama dua hari ke negara ini.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof semasa menghoskan Majlis Makan Malam bagi Setiausaha Parlimen Negara, Kementerian Kesihatan, Republik Persekutuan Jerman dan rombongan. Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Datuk Paduka Haji Abdul Jalil.

Situasi terkini jangkitan virus Influenza A (H7N9)

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Berikut dengan kejadian jangkitan Influenza A (H7N9) yang dilaporkan berlaku di Republik Rakyat China baru-baru ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai situasi terkini penyakit tersebut.

Virus Influenza A (H7N9) adalah sejenis virus yang pada lazimnya menjangkiti unggas (termasuk ayam dan burung-burung) yang mana sebelum ini, tidak ada kes yang menjangkiti manusia pernah dilaporkan.

Walau bagaimanapun, Influenza A (H7N9) telah pun dikenalpasti sebagai penyebab jangkitan respiratori atau pernafasan yang teruk kepada 24 orang pesakit termasuk tujuh kematian yang dilaporkan di

empat provinsi di Republik Rakyat China iaitu Shanghai, Zhejiang, Anhui dan Jiangsu dari bulan Mac hingga 9 April 2013.

Suruhanjaya Kesihatan dan Perancangan Keluarga Kebangsaan, Republik Rakyat China sedang menjalankan siasatan lanjut mengenai jenis penyakit ini dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pihak Berkusa Republik Rakyat China juga menyatakan situasi jangkitan ini adalah dalam keadaan terkawal dan menekankan bahawa kes-kes jangkitan yang dikesan pada pesakit adalah tidak berhubung kait (*isolated*).

Penyakit Influenza A (H7N9) boleh menyebabkan tanda-tanda penyakit yang menyerupai demam

selesema biasa seperti demam panas (38°C atau lebih), batuk dan sesak pernafasan.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai yang telah mengunjungi kawasan-kawasan yang terlibat dan mempunyai tanda-tanda penyakit tersebut di atas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan segera di pusat-pusat kesihatan atau hospital terdekat.

Di samping itu, pesakit-pesakit hendaklah memaklumkan kepada doktor mengenai sejarah perjalanan mereka ke tempat-tempat yang terlibat sekiranya mendapat tanda-tanda penyakit seperti di atas setelah pulang ke Negara Brunei Darussalam.

Pelawat yang berkunjung ke tempat yang terlibat hendaklah berwaspada dan mengambil langkah

berjaga-jaga serta mematuhi mana-mana nasihat dan arahan dari pihak kesihatan setempat termasuk mengambil langkah-langkah pencegahan untuk menghindarkan dari jangkitan penyakit seperti mengelakkan sentuhan dengan unggas dan najis unggas.

Sekiranya berlaku sentuhan, cuci tangan dengan cecair pembersih tangan atau sabun dengan air yang bersih terutama sekali selepas menggunakan tandas, sebelum makan atau menyediakan makanan, mengelakkan tempat-tempat yang sesak dan mendampingi orang-orang yang dijangkiti demam selesema apabila melawat kawasan-kawasan yang terlibat dan menutup mulut

dengan tisu apabila batuk dan bersin.

Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi yang berkenaan, akan terus memantau dengan rapi kedudukan penyakit ini dan akan mengambil langkah-langkah berwaspada serta bersiap siaga mengikut garis panduan Peraturan Kesihatan Antarabangsa 2005 (International Health Regulations 2005) dan maklumat terkini dari WHO.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan akan memaklumkan perkembangan terkini dari semasa ke semasa mengenai penyakit ini kepada orang ramai melalui media massa dan laman web jika perlu dan bersesuaian.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian telefon Health Line, Kementerian Kesihatan 179.

HALUAN

Dari muka 2

Multi-drug resistant TB ataupun MDR-TB adalah merupakan salah satu masalah kesihatan awam yang banyak dihadapi oleh beberapa buah negara di dunia pada masa sekarang. Alhamdulilah tidak terdapat kes-kes tempatan *multi-drug resistant TB* yang berlaku di negara ini. Walau bagaimanapun, dalam menangani cabaran kemunculan *multi-drug resistant TB* ini, kita seharusnya janganlah berasa *complacent* mengenainya malahan saya ingin mengingatkan semua pihak sama ada pekerja kesihatan, pesakit-pesakit tibi serta kaum keluarga dan orang-orang di sekeliling mereka dalam bersama-sama memastikan setiap pesakit tibi menjalani rawatan dengan sempurna dan lengkap demi untuk mencegah masalah-masalah dan risiko terhadap kesihatan awam di negara ini. Tidak mustahil bagi masalah-masalah kesihatan awam yang besar seperti *multi-drug resistant TB* berlaku di negara kita jika pesakit-pesakit tibi tidak memakan ubat mengikut arahan dari pekerja kesihatan serta tidak mematuhi garis pandu rawatan yang telah ditetapkan.

Menyedari akan penyakit tibi adalah salah satu daripada cabaran dan ancaman yang boleh menjaskan kesihatan dan keselamatan awam, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat prihatin dan mengambil serius dalam menangani penyakit-penyakit berjangkit termasuk penyakit tibi bukan sahaja dari aspek pencegahan dan pengawalan malahan juga memastikan tatacara perlaksanaan yang berkesan bagi melindungi kesihatan dan keselamatan orang awam. Justeru

Bebaskan negara dari penyakit tibi

itulah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah juga menyediakan Pusat Pengasingan Kebangsaan yang terletak di Pekan Tutong yang telah mula beroperasi pada tahun 2012, di samping menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Penyakit-Penyakit Berjangkit. Antara peruntukan di bawah Bab 15 dari akta tersebut :

- “Telah memberikan kuasa bagi pengasingan pada individu tertentu yang mengalami atau disyaki mengidap penyakit, pembawa penyakit (*carrier*) atau selaku kontak kepada penyakit berjangkit untuk diasingkan di hospital atau di tempat yang bersesuaian selama jangka waktu yang ditetapkan.”

- Sementara Bab 22 dari akta yang sama menegaskan “individu yang mengalami atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa dia adalah kes atau pembawa atau sebagai kontak penyakit berjangkit hendaklah tidak mendedahkan orang lain kepada risiko jangkitan disebabkan oleh kehadirannya atau kelakuannya dalam mana-mana tempat awam atau mana-mana tempat lain yang digunakan bersama oleh orang awam.”

Sehubungan dengan itu, saya ingin memperingatkan bahawa Pusat Pengasingan Kebangsaan dan undang-undang yang dikuatkuasakan ini bukanlah bertujuan untuk menyusahkan para pesakit tetapi adalah semata-mata untuk kepentingan dan keselamatan pesakit itu sendiri bagi membolehkan rawatan yang rapi diberikan dan sekali gus bagi mengelakkan jangkitan tibi kepada ahli keluarga, rakan sekerja dan masyarakat di negara ini, di samping menghindarkan risiko-risiko demi melindungi kesihatan dan keselamatan orang awam.

Oleh itu, saya ingin menyeru para pesakit tibi dan ahli keluarga mereka supaya akan mengikut nasihat dan arahan doktor atau pekerja kesihatan dan sentiasa memberikan kerjasama, komitmen serta bersabar di dalam menjalani rawatan termasuklah arahan-arahan mengikut prosedur yang ditetapkan. Insya-Allah sama ada rawatan ditempatkan di Pusat Pengasingan Kebangsaan atau hospital tidak akan melebihi dari 14 hari tertakluk kepada tahap kesihatan pesakit dan apabila tidak lagi mendatangkan risiko jangkitan kepada orang ramai, maka mereka ini akan diberikan rawatan seterusnya di pusat-pusat kesihatan yang berke-

naan secara pesakit luar.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sukcita ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Program Tibi Kebangsaan di atas usaha dalam merebu dan menge-maskinikan Garis Panduan Pengawalan Penyakit Tibi dengan kerjasama jabatan-jabatan yang berkenaan di bawah Kementerian Kesihatan yang akan dilancarkan pada pagi ini.

Inisiatif ini adalah sangat dihargai dan dialu-alukan dalam usaha kita bersama-sama bagi memantapkan, mengukuhkan dan memperseksan lagi langkah-langkah pencegahan dan pengawalan penyakit tibi ke arah matlamat bukan sahaja mengurangkan kadar penyakit tibi malahan lebih jauh daripada itu merealisasikan hasrat kita untuk mencapai Negara Brunei Darussalam bebas daripada penyakit tibi.

Dengan mendahului kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan sukacitanya saya merasmikan Majlis Sambutan Hari Tibi Sedunia 2013 pada pagi ini.

MoU Brunei - Singapura bidang kesihatan dimeterai



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman bagi kerjasama dalam bidang kesihatan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Persekutuan Jerman.

JERUDONG, Rabu, 10 April. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Persekutuan Jerman memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi kerjasama dalam bidang kesihatan bagi kedua-dua buah negara.

MoU itu juga bersetuju bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala dalam bidang kesihatan dan pelbagai melalui Perkembangan tenaga manusia, khususnya profesional kesihatan, Perancangan penjagaan kesihatan dan infrastruktur serta perkembangan teknologi.

Ia juga merangkumi perkembangan penyelidikan perubatan dan kesihatan, kepakaran perubatan seperti perkhidmatan pemulihan dan

kecemasan, pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit, mempromosikan hubungan secara langsung antara organisasi dan institusi berkaitan kesihatan di antara kedua-dua buah negara dan pertukaran maklumat termasuk mengenai pembiayaan penjagaan kesihatan dan insurans kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan penandatanganan MoU yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka di Jerudong itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Menandatangi bagi pihak Kementerian Kesihatan ialah Setiausaha Tetap Kementerian

Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan disaksikan oleh Menteri Kesihatan, manakala Republik Persekutuan Jerman di wakili oleh Setiausaha Parlimen Negara, Kementerian Kesihatan, Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Ms Annette Widmann-Mauz.

Terdahulu dari itu, PYT Ms Annette Widmann-Mauz membuat kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan mengadakan perbincangan mengenai mekanisme pelaksanaan MoU antara dua buah negara dengan memberi fokus pada perkembangan profesional kesihatan dan peningkatan pelbagai kepakaran dalam bidang perubatan dan kesihatan.

Menteri Kesihatan dan PYT juga membincangkan mengenai kemajuan

sektor penjagaan kesihatan di kedua-dua buah negara dan juga mengenai isu-isu serta cabaran kesihatan yang dihadapi di peringkat global.

PYT dan rombongan seramai lima orang akan mengadakan lawatan kerja selama dua hari yang termasuk ke Pusat Promosi Kesihatan.

Rombongan juga akan melawat Hospital RIPAS bagi meninjau fasiliti dan perkhidmatan perubatan di sana dan ke Jerudong Park Medical Center (JPMC) bagi meninjau perkhidmatan Unit Rawatan Rapi dan Wad Neuro.

Kerjasama antara kedua-dua buah negara khususnya dalam program latihan penjagaan kesihatan telah mula dilaksanakan yang mana Kementerian Kesihatan telah mengantar beberapa

orang profesional kesihatan tempatan untuk mengikuti kursus-kursus di Republik Persekutuan Jerman.

Setakat ini, seramai sepuluh orang jururawat telah berjaya menjalani kursus Oral Maxillo Facial dan dua orang doktor tempatan masih lagi menjalani latihan kursus kepakaran dalam bidang Maxillo Facial Surgery dan Reconstructive Surgery di Republik Persekutuan Jerman.

Hadir sama dalam majlis penandatanganan MoU itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Roland Christian Grafe dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Mohd Jaafar.



MENTERI Kesihatan menerima kunjungan muhibah Setiausaha Parlimen Negara, Kementerian Kesihatan, Republik Persekutuan Jerman, PYT Ms Annette Widmann-Mauz.

Menteri Kesihatan hadiri Persidangan Kesihatan di Republik Singapura

Berita dan Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan

REPUBLIK SINGAPURA, Selasa, 9 April. - Negara Brunei Darussalam adalah antara negara yang menyertai Persidangan 'World Health Summit Regional Meeting - Asia' yang diadakan selama dua hari di sini.

Persidangan tersebut merupakan salah satu usaha ke arah mengukuhkan dan memantapkan lagi strategi bersama mengenai kesihatan di rantau Asia, khususnya dalam menangani cabaran-cabaran utama yang berhubung kait dengan penyelidikan perubatan, kesihatan global dan penjagaan kesihatan.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.


Persidangan yang julung kalinya diadakan di republik tersebut merupakan kerjasama yang bersepada di antara pihak-pihak berkenaan yang berkepentingan, khususnya agensi kerajaan, pihak akademik dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat awam dalam mendukung tema

persidangan iaitu 'Kesihatan Untuk Kemajuan Rantau Asia Yang Berdaya Tahan' (Health for Sustainable Development in Asia).

Sebelum menghadiri persidangan tersebut, Yang Berhormat berkesempatan mengadakan kunjungan muhibah dan perbincangan dengan Menteri Kesihatan Republik Singapura, Yang Berhormat Gan Kim Yong.

Mereka telah membincangkan perkara-perkara mengenai pengukuhan kerjasama bidang kesihatan dua hala yang termasuk usaha memantapkan sistem penjagaan kesihatan untuk lebih efektif dan efisien; pembangunan kapasiti profesional kesihatan; meningkatkan kerjasama dalam perlindungan kesihatan awam dan menangani wabak penyakit tidak berjangkit (non-communicable diseases - NCDs) dan penyakit-penyakit berjangkit (communicable or infectious diseases).

Rombongan Menteri Kesihatan termasuk Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa kunjungan muhibah dan perbincangan dua hala dengan Menteri Kesihatan Republik Singapura, Yang Berhormat Gan Kim Yong.

Kad APTK diperkenalkan mulai April 2013

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 April. - Mulai April 2013 Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) memperkenalkan Kad APTK dalam usaha penjenamaan semula agensi berkenaan.

Sehubungan itu, para pencari kerja tempatan yang belum berdaftar dipohonkan untuk mendaftar ke APTK di Bangunan KHEDN, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan. Mereka yang tinggal di luar Daerah Brunei dan Muara boleh mendaftar di cawangan Jabatan Buruh di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Pihak APTK kini sedang dalam usaha mengemaskinikan senarai Pencari Kerja Tempatan yang berdaftar dan aktif mencari pekerjaan serta memudahkan pihak APTK dan agensi-agensi berkenaan untuk merancang dan menyelaraskan lagi program-program dan kursus-kursus yang bersesuaian dan relevan dengan perkembangan industri sekarang.

Kad APTK itu nanti akan mansuh enam bulan setelah pendaftaran awal tetapi boleh diperbaharui sekiranya para

pencari kerja belum mendapat sebarang pekerjaan.

Manakala bagi mereka yang mendaftar sebelum April 2013, kad tersebut diperbaharui secara automatik oleh pihak APTK selama enam bulan iaitu sehingga penghujung Oktober 2013. Mereka yang tidak memperbaharui kad itu setelah mansuh akan dikira tidak aktif.

Pihak APTK juga memaklumkan kepada mana-mana majikan yang mempunyai apa jua jawatan kosong supaya akan dapat mendaftar dan memaklumkan kepada pihak APTK mengenai kekosongan jawatan tersebut bagi proses untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan.

Di samping itu, APTK menyarankan agar para majikan akan dapat memberikan sokongan dan kerjasama dalam pengambilan anak tempatan dengan memberikan peluang pekerjaan, insentif dan seterusnya dapat mengurangkan ketergantungan majikan kepada pekerja asing.

Borang pendaftaran bagi pencari kerja tempatan dan majikan boleh dimuat turun melalui laman web rasmi KHEDN, <http://www.home-affairs.gov.bn>.

Brunei - Singapura terbitkan dokumentari Gabung

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AiTi) dan MediaCorp Singapura telah bersama-sama memberikan kepercayaan kepada Masscom TV Production Negara Brunei Darussalam dan Televisyen dan Pengeluaran Video Medimorphosis Singapura untuk menghasilkan program TV info-pendidikan bertajuk Gabung.

Ini merupakan kerjasama pertama antara syarikat penerbitan bebas dari kedua-dua buah negara tersebut. Dokumentari lima episod itu akan memfokuskan kekayaan sejarah dan warisan penempatan awal di tebing-tebing sungai masing-masing serta usaha pembersihan dan pemuliharaan alam sekitar sungai-sungai serta pembandaran yang berlaku pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Pengeluaran TV bersama ini merupakan inisiatif di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam dan Lembaga Pembangunan Media Singapura (MDA) bagi Kerjasama dalam Penyiaran dan Media yang ditandatangani sejak 17 Jun 2009.

Pada tahun-tahun sebelumnya pelbagai aktiviti di bawah MoU tersebut telah dilaksanakan termasuk pertukaran maklumat serta pengalaman dalam penyiaran dan perkara-perkara berkaitan dengan media, di samping kerjasama khusus penyiaran dan projek media.

Pengeluaran TV bersama ini

merupakan satu peristiwa penting di bawah MoU berkenaan dan memperkenalkan hubungan yang sangat baik dan kerjasama antara kedua buah penyiaran kerajaan dan agensi-agensi media dari kedua-dua negara dalam bidang kerjasama teknikal dan pembangunan industri.

Pelaksanaan projek ini akan dilakukan oleh AiTi bagi pihak Kementerian Perhubungan, manakala MediaCorp akan melaksanakan projek itu bagi pihak MDA.

AiT dan MDA mulakan projek itu sejak Ogos 2012 yang akhirnya membawa kepada mesyuarat bersama pada Januari 2013 yang memerlukan syarikat penerbitan yang disenaraikan pendek dari Brunei dan Singapura untuk mengemukakan cadangan bersama yang mana pada akhir mesyuarat sebanyak empat cadangan telah diterima.

Sebagai lanjutan, pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) Negara Brunei Darussalam, Radio Televisyen Brunei (RTB), AiTi dan MediaCorp membentuk panel hakim.

Pengeluaran TV Masscom dan Televisyen dan Pengeluaran Video Medimorphosis Singapura akan mula membuat skrip, penggambaran dan kerja-kerja pengeluaran pada suku kedua dan projek itu dijangka siap menjelang akhir tahun ini.

Dokumentari ini akan disiarkan oleh penyiar masing-masing dari Brunei (RTB) dan Singapura (MediaCorp Suria) pada suku pertama 2014.

Pengeluaran TV bersama ini



PEGAWAI-PEGAWAI GEMS di Jabatan Perkhidmatan Awam semasa menyampaikan taklimat.

RIMBA, Isnin, 8 April. - Projek Pengesahan Data (Data Verification - DV) adalah antara inisiatif dan usaha berterusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam memperkuuhkan dan

mempertingkatkan lagi keupayaan Government Employee Management System (GEMS).

Selain itu, ianya juga diharapkan untuk menggalakkan dan setentunya

mempertingkatkan lagi keupayaan Government Employee Management System (GEMS).

Selain itu, ianya juga diharapkan untuk menggalakkan dan setentunya

APTK bantu pencari kerja tempatan



TAKLIMAT tentang fungsi dan peranan APTK yang disampaikan oleh Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohamad juga dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusof dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Sabtu, 6 April. - Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) berperanan penting dalam menerima dan mendaftarkan permohonan para pencari kerja tempatan dan menyalurkan mengikut syarat dan kriteria yang sebanding dan jawatan yang ditawarkan.

Bagi memberi penjelasan lebih lanjut tentang penubuhan agensi berkenaan satu taklimat mengenai APTK telah diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Antara yang hadir mendengarkan taklimat ialah

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusof dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Juga hadir para lepasan sekolah menengah/maktab dan para pencari kerja tempatan yang berdaftar atau tidak di Jabatan Buruh dan APTK serta para pengusaha syarikat berdaftar di Jabatan Buruh khususnya di daerah Temburong.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, KHEDN, Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohamad yang antara lain menjelaskan tentang fungsi dan peranan APTK.

Ujarnya ke arah membantu para pencari kerja dalam kalangan anak-anak tempatan agensi berkenaan memberikan kemahiran serta pendedahan dan pengetahuan di pelbagai bidang sebelum mereka mencebur ke dalam dunia kerja.

Kursus dan latihan juga adalah perlu diberikan kepada pencari kerja tempatan supaya mudah disalurkan ke sektor-sektor swasta dan pada masa yang sama akan menangani masalah pengangguran di negara ini.

Di majlis itu, APTK juga menyediakan ruang pameran yang berhubungkait dengan bahagiannya, di samping memuatkan ruang iklan kerjaya selain memberi peluang kepada para pencari kerja untuk mendaftar dengan APTK untuk mendapatkan kad APTK bagi mengantikti kad buruh.

DV usaha berterusan JPM perkukuh keupayaan GEMS

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

memberikan kemudahan dalam meningkatkan efisiensi ke atas penggunaan sistem tersebut.

Sehubungan itu, JPA mengendalikan taklimat bagi projek Pengesahan Data dalam Sistem GEMS bagi fasa kelima kepada Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan serta jabatan-jabatan di bawahnya yang mengambil tempat di Dewan Penghayatan, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini.

Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Kakitangan JPA, Dayangku Moniri binti Pengiran Mohidin dan Penolong Pegawai Kakitangan Bahagian GEMS, Dayang Ya-Anenawati binti Haji Mohd. Yusof serta beberapa pegawai yang lain dengan mengetengahkan beberapa perkara mengenai Sistem GEMS dan cara pelaksanaannya.

Antara yang dijelaskan ialah mengenai Pengesahan Data dalam GEMS yang boleh dikemas kini oleh pegawai dan kakitangan itu sendiri melalui laman sesawang GEMS

dengan mengesahkan bawaha data-data (seperti alamat suratmenyurat, e-mel, nombor telefon, taraf kelamin, tanggagaji, gaji bulanan, maklumat memangku, baki cuti dan sebagainya) adalah betul dan terkini.

Pelaksanaan projek tersebut akan dijalankan secara berperingkat-peringkat untuk setiap kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya dan pihak yang dikenal pasti terlibat dalam pelaksanaan sistem tersebut terdiri daripada pengguna Perkhidmatan Sendiri (Self-Service), Human Resource Specialist on Data Management, Department Administrator, Managers serta Human Resource Specialist on Absence Management.

Projek Pengesahan Data bertujuan membolehkan setiap pegawai dan kakitangan untuk mengakses dan meneliti serta mengesahkan data-data termasuk data peribadi, rekod perkhidmatan dan baki cuti untuk dikemas kini serta membuat pembetulan jika perlu.

Dengan melaksanakan proses tersebut, setiap pegawai dan kakitangan akan mempunyai data-data yang telah dikemas kini di dalam pangkalan data GEMS dan secara langsung akan memberikan kemudahan kepada penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh GEMS.

Ianya juga untuk memberikan kemudahan tambahan akses selain daripada GEMS melalui sambungan EG-Bandwidth (seperti yang sedia ada) dan ianya juga dapat diakses melalui sambungan internet dalam tempoh pelaksanaan projek tersebut dijalankan.

Bahagian GEMS juga akan mengendalikan beberapa siri taklimat lanjut bagi pengenalan dan memberikan pemahaman ke atas inisiatif berkenaan secara berperingkat daripada satu kementerian ke satu kementerian termasuklah jabatan-jabatan di bawahnya.

Kesinambungan daripada taklimat itu, Bahagian GEMS seterusnya akan mengendalikan aktiviti bantuan secara praktikal ke atas proses Pengesahan Data tersebut dan ianya akan mula dijalankan pada minggu ketiga bulan April 2013 mengikut jadual.

Penderaan ganggu pertumbuhan kesihatan kanak-kanak



Oleh : Aimi Sani, Po Yih Kim@Anjelin Po
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Kanak-kanak yang telah didera lebih cenderung untuk mengalami kecacatan sosial, emosi dan kognitif dan ini akan meletakkan kesihatan mereka pada risiko seperti untuk merokok, minum arak, mengambil dadah dan menjadi lebih seksual rambang dan secara umumnya tidak menjaga kesihatan mereka.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil semasa berucap dalam Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel Perlindungan Kanak-Kanak.



Penderaan membahayakan kanak-kanak dari segi fizikal, emosi, psikologi, kognitif dan sosial terbukti secara saintifik bahawa pengalaman zaman kanak-kanak yang buruk adalah faktor risiko utama bagi penyakit dan kematian awal.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil dalam Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel Perlindungan Kanak-Kanak yang diadakan di salah sebuah hotel di Gadong, di sini.

Dr. Hajah Norlila berkata, pendedahan awal kepada keganasan adalah bahaya kerana ia boleh memberi kesan kepada proses perkembangan dan pematangan seni bina otak.

"Justeru itu, dalam jangka panjang, kanak-kanak ini akan mengalami pelbagai penyakit dan masalah kesihatan, termasuk penyakit-penyakit tidak berjangkit kronik seperti kanser dan kencing manis, penyakit kelamin dan keadaan yang melumpuhkan serta pelbagai masalah sosial," jelasnya.

Semua ini akan menambah beban kepada sistem penjagaan kesihatan bukan hanya dalam jangka pendek sebagai kanak-kanak, tetapi juga

ANTARA peserta Bengkel Perlindungan Kanak-Kanak.

CDC hargai sumbangan dermawan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Sumbangan dan derma yang telah diberikan kepada Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (CDC) dari kesemua agensi dan dermawan memberi pelbagai manfaat khusus untuk kegunaan harian kanak-kanak di pusat berkenaan.

Menurut Pakar Perunding Pediatrik, CDC, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abd. Hamid, sumbangan tersebut juga dimanfaatkan secara tidak langsung untuk meningkatkan perkhidmatan yang diberikan kepada kanak-kanak termasuk pengubahsuaian banglo bagi mengadakan sebuah klinik pergigian bagi kanak-kanak berkeperluan khas dan juga membeli peralatan untuk penilaian kanak-kanak dan juga sumber maklumat dan rujukan bagi ibu bapa.

Katanya, sumbangan bas yang diberikan oleh Syarikat Goh Hock Kee telah digunakan untuk membawa kanak-kanak ke pusat ini dan balik serta juga bagi pegawai dan kakitangan untuk membuat lawatan ke rumah, sekolah dan hospital-hospital daerah.

Beliau memaklumkan bahawa menurut statistik klinik pergigian, sejak perkhidmatan ini dimulakan pada bulan Julai 2012, iaitu selama enam bulan sahaja sudah 336 kanak-kanak telah menerima rawatan pergigian di pusat ini.

"Bagi sumbangan secara langsung diberikan dalam bentuk peralatan bagi kanak-kanak pula, pusat ini amat menghargainya kerana ia membantu kanak-kanak secara terus-menerus dalam memudahkan mereka duduk dalam posisi yang optima sambil belajar dan membuat aktiviti harian, bergerak dan berpindah



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (tiga dari kanan) semasa hadir dalam Majlis Penghargaan.

dari suatu tempat ke tempat yang lain dengan selamat. Peralatan tersebut juga membolehkan kanak-kanak dibawa oleh ibu bapa mereka bersiar-siar dan sebagainya," ujarnya.

Beliau menjelaskan perkara itu pada Majlis Penghargaan bagi para dermawan dari pelbagai organisasi serta individu yang pemurah ke arah membantu nasib kanak-kanak berkeperluan khas.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis yang berlangsung di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Majlis diikuti dengan penyampaian sijil kepada tujuh penderma yang kemudiannya diteruskan dengan sesi bergambar ramai.

Para penderma terdiri dari Syarikat Goh Hock Kee, Syarikat Borneo United, Bank Baiduri Group, Telekom Brunei Berhad, Makmal Saintifik Kementerian Kesihatan, Syarikat

Chop Jing Chiew dan International Women's Club.

Pusat tersebut merupakan sebuah jabatan di bawah Kementerian Kesihatan yang menyediakan perkhidmatan bagi diagnosis dan pengurusan kanak-kanak berkeperluan khas serta menawarkan perubatan susulan, terapi dan sokongan kepada kanak-kanak dan keluarganya.

Sejak ia ditubuhkan pada tahun 1999, CDC menerima sebilangan besar kanak-kanak berkeperluan khas yang terdiri daripada yang mengalami masalah pembelajaran ringan.

Dengan bantuan-bantuan yang diberikan daripada para penderma, CDC memperolehi pekkas baru, buku EarlyBird dan EarlyBird Plus (untuk membantu ibu bapa yang mempunyai kanak-kanak autisme), mainan baru dan peralatan khas seperti kerusi roda dan kerusi kereta bayi selain akan dapat mengadakan Sambutan Hari Raya dan Sambutan Tahun Baru Cina serta perayaan untuk kanak-kanak di pusat berkenaan.

dalam jangka masa panjang sebagai orang dewasa yang mana pengalaman buruk dalam kehidupan awal juga membawa kepada kematian awal.

Kematian awal, tambahnya, bermakna bahawa individu-individu ini tidak akan dapat menyumbang sepenuhnya terhadap negara ini untuk masa yang lama.

"Penderaan kanak-kanak juga sangat mahal yang mana kos bukan sahaja ditanggung oleh sistem kesihatan, malah sistem pendidikan yang mana kemerosotan kognitif, kesukaran serta kurang upaya kanak-kanak yang menderita juga akan meletakkan tuntutan tambahan seperti peruntukan pendidikan khas, terapi tertentu dan sebagainya," jelas beliau.

Selain itu, sistem kehakiman, undang-undang dan polis, ujarnya, juga akan menanggung sebahagian daripada kos seperti kos penyiasatan, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dalam usaha untuk membawa mereka ke muadzamah pengadilan.

Kanak-kanak yang didera atau diabaikan, jelasnya, adalah lebih cenderung untuk menjadi pesalah menjaya sebagai orang dewasa, ini akan melibatkan lebih banyak kos dan akan menjadi ancaman kepada keamanan dan keselamatan negara.

"Penderaan kanak-kanak adalah masalah global. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, pada tahun 2004, terdapat kira-kira 22,320 kematian dikaitkan dengan pembunuhan dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur sepuluh tahun dan kira-kira 31,000 kalangan kanak-kanak di bawah 15 tahun. Punca kematian kanak-kanak ini mungkin adalah akibat penganiayaan yang tidak disiasat secara rutin dan pemeriksaan *post-mortem* tidak dijalankan," jelas beliau.

Beliau menjelaskan, Negara Brunei Darussalam juga kini melihat peningkatan dalam bilangan kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada keganasan dan penderaan.

Dengan adanya bilangan penduduk yang semakin meningkat di negara ini, ungkap beliau, penderaan kanak-kanak berkemungkinan akan meningkat juga.

"Sejurus kes-kes ini, ia mengingatkan kita bahawa penderaan kanak-kanak adalah isu yang kompleks dan melindungi mereka boleh menjadi sangat sukar. Namun kita tidak boleh mengelakkan tanggungjawab ini untuk melindungi anak-anak kita kerana mereka adalah masa depan kita dan jika kita gagal untuk melindungi mereka, kita akan gagal sebagai sebuah negara," jelasnya.

Lindungi anak-anak dari penderaan fizikal



KONSULTAN Pediatric Negara Brunei Darussalam, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid semasa menyampaikan ucapan.

Oleh : Aimi Sani,
Po Yih Kim @ Anjelin Po
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

berkesan untuk melindungi dan menjaga anak-anak kita. Melindungi dan menjaga kanak-kanak adalah satu proses yang kompleks dan memerlukan semua orang untuk memainkan peranan, terutama bagi mereka yang berada dalam hubungan yang kerap dengan kanak-kanak," ujar beliau.

Majlis dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Haji Abdul Jalil, selaku tetamu kehormat.

Seramai tiga penceramah dijemput bagi memudah cara bengkel tersebut yang terdiri daripada dua penceramah jemputan dari United Kingdom dan seorang konsultan dari Negara Brunei Darussalam.

Bengkel yang bertemakan 'Sama-Sama Melindungi Kanak-Kanak Kitani' antara lain bertujuan untuk memberi latihan dalam kerja perlindungan kanak-kanak kepada pegawai-pegawai dari kementerian/agensi yang terlibat dan bertanggungjawab, di samping meningkatkan pengetahuan peserta mengenai perlindungan kanak-kanak serta memberi platform untuk mengadakan perbincangan di antara semua peserta akan keperluan untuk menambahbaikkan perkhidmatan perlindungan kanak-kanak yang ada sekarang.

Selain menekankan garis pandu perlindungan kanak-kanak bagi tahap kebangsaan dalam setiap kementerian/agensi.

Bengkel selama empat hari yang bermula hari ini hingga 11 April dihadiri oleh wakil daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pejabat Peguam Negara, Unit Siasatan Jenayah (CID) Pasukan Polis Diraja Brunei, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Kesejahteraan Masyarakat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 April. - Negara Brunei Darussalam mempunyai bilangan kanak-kanak yang sangat tinggi dalam kalangan penduduknya yang mana tahun lepas seramai 86 kanak-kanak di negara ini dirujuk ke beberapa buah hospital kerana didera secara fizikal.

Konsultan Pediatric Negara Brunei Darussalam, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid menjelaskan perkara tersebut pada Majlis Pembukaan Rasmi Bengkel Perlindungan Kanak-Kanak yang berlangsung di salah sebuah hotel di Gadong, di sini.

Katanya, kita tidak mampu kehilangan walaupun seorang kanak-kanak disebabkan penderaan, sama ada melalui mati akibat luka atau melalui kesihatan, psikologi, emosi, kesan fizikal penderaan.

"Kita perlu bertindak sekarang dan kita perlu mengambil langkah-langkah yang lebih



Susunan oleh:
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad

PENGENALAN

REPUBLIK INDONESIA adalah sebuah negara kepulauan terbesar di dunia yang mengandungi lebih daripada 17,000 buah pulau-pulau yang dikelilingi oleh pantai-pantai yang cantik dan terletak di antara benua Asia dan Australia.

Antara pulau-pulau terkenal di republik ini ialah Sumatera, Jawa, Bali, Kalimantan (Borneo), Sulawesi, Kepulauan Maluku dan Papua.

Indonesia mempunyai pemandangan yang indah dengan adanya hutan belantara yang hijau, gunung-ganang berapi aktif dan lautan biru yang bersih.

Sebagai sebuah negara tropika, Indonesia dianugerahi dengan dua musim. Musim panas biasanya berlaku dari bulan Jun sehingga September dan selebihnya adalah musim hujan.

Indonesia juga menampilkan beberapa bandar-bandar penting untuk dikunjungi pelancong-pelancong seluruh dunia seperti Jakarta, Surabaya, Bali, Bandung, Yogyakarta dan sebagainya, yang mana masing-masing memiliki tempat-tempat yang indah serta menarik untuk dilawati dan diteroka.

SEJARAH

Sejak abad ke-7 hingga ke-14, beberapa kerajaan yang di bawah pengaruh agama Hindu dan Buddha seperti Srivijaya dan Majapahit pernah mengecapi kegemilangan dalam mendirikan wilayah-wilayah Nusantara yang meliputi Kepulauan Sumatera, Jawa, Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia) sehingga ke Kepulauan Borneo dan Mindanao.

Namun kedatangan pedagang-pedagang Arab untuk bermiaga di sana telah membuka lembaran baru dalam penyebaran pegangan agama Islam, dan akhirnya agama tersebut semakin berkembang dan bertambah pesat sehingga menjadi agama terbesar di Indonesia.

Pada abad ke-17, Belanda mula menguasai Indonesia sebagai tanah jajahan mereka. Akan



PAKAIAN tradisi termasyhur di Sulawesi Selatan, Baju Bodo.

tetapi, jajahan Belanda itu berakhir setelah Indonesia dikuasai oleh Jepun pada Perang Dunia Kedua.

Kemudian, Indonesia diisytiharkan mencapai kemerdekaan pada 17 Ogos 1945 yang mana Sukarno menjadi Presiden pertama republik itu, manakala Mohammad Hatta sebagai

Republik Indonesia

Naib Presidennya.

PENDUDUK & BAHASA

Indonesia mempunyai jumlah penduduk yang melebihi 200 juta orang yang terdiri daripada berbilang-bilang suku kaum, dengan agama dan kepercayaan yang berbeza. Antaranya ialah Melayu, Jawa, Sunda, Minangkabau, Betawi, Madura dan banyak lagi.

Islam merupakan agama rasmi dan utama di Republik Indonesia, agama-agama yang lain ialah seperti Kristian, Hindu dan Buddha.

Di Republik Indonesia juga terdapat pelbagai jenis bahasa dan dialek tempatan, akan tetapi bahasa Indonesia adalah bahasa kebangsaan dan rasmi di seluruh republik tersebut.

Selaras dengan Ikrar Pemuda Indonesia 1928 yang berikrar untuk membina satu negara, satu bangsa dan satu bahasa, bahasa Indonesia merupakan bahasa utama untuk beberapa etnik berkomunikasi dalam kehidupan sehari-hari mereka serta bahasa tersebut juga diajarkan di sekolah-sekolah.

SENI BUDAYA

Indonesia sangat kaya dengan kebudayaan mereka tersendiri yang menampilkan seni bina bangunan yang masyur, kuil-kuil kuno, seni-seni ukir dan kraf tangan dan muzik-muzik berrima tradisional dan moden.

Di samping itu, UNESCO juga mengiktiraf Indonesia sebagai Warisan Budaya Dunia Yang Tidak Ketara (World Intangible Cultural Heritage) yang menghasilkan seni kraf tangan yang unik seperti Batik, Keris, Wayang Kulit dan juga Angklung yang merupakan alat muzik tradisional yang diwarisi sejak turun-temurun.

Pakaian-pakaian asli Indonesia juga dapat dikenali daripada ciri-cirinya yang berbeza seperti baju kurung bersongket dari Minangkabau, Songket Palembang, Batik Jawa, pakaian khas Dayak dari Kalimantan dan Baju Bodo Sulawesi Selatan.

Pantun, gurindam dan sebagainya juga sering dipersembahkan dalam acara-acara tertentu. Bukan itu saja, silat yang merupakan seni bela diri juga kadang-kadang ditampilkan pada acara-acara pertunjukan dan biasanya diiringi oleh alunan irama tradisional masing-masing.

EKONOMI

Republik Indonesia mempunyai sumber semula jadi yang besar seperti minyak mentah, gas asli, timah, logam-logam emas, perak dan tembaga.



Hasil pertanian yang utama ialah seperti beras, teh, kopi, rempah ratus, getah, kelapa sawit, tembakau dan lain-lain lagi.

Rakan-rakan perdagangan Republik Indonesia yang terbesar ialah Jepun dan Amerika Syarikat, diikuti dengan negara-negara jiran Malaysia, Republik Singapura dan Australia.

FLORA DAN FAUNA

Republik Indonesia juga memiliki binatang kehidupan liar yang berbeza-beza dan jarang didapati di seluruh dunia, di antaranya Kancil, Badak Jawa, Orang Utan, Lembu Anoa Sulawesi dan burung Cockatoo.

Di negara ini juga mempunyai habitat tumbuh-tumbuhan seperti orkid-orkid, pelbagai jenis pokok buah-buahan dan bunga Rafflesia Arnoldii, salah satu bunga gergasi dan unik di dunia.

REPUBLIC INDONESIA DALAM ASEAN

Republik Indonesia merupakan salah sebuah negara pengasas yang menubuhkan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) selepas Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura dan Thailand di Bangkok semasa proses penandatanganan satu perjanjian yang dikenali sebagai Deklarasi ASEAN pada 8 Ogos 1967.

Justeru itu, Sidang Kemuncak ASEAN pertama kali telah diadakan pada bulan Februari 1976 di Bali, Republik Indonesia.

Sehubungan itu juga, Republik Indonesia telah menjadi negara tuan rumah untuk Sidang Kemuncak ASEAN sebanyak empat kali dan kali terakhir ianya telah diadakan di negara tersebut pada tahun 2011.

Melalui ASEAN juga, negara-negara anggota telah memberikan bantuan kepada Republik Indonesia saat terjadinya bencana-bencana alam seperti Tsunami di Aceh (2004), gempa bumi dan gunung meletus di Yogyakarta (2006 dan 2010) dan gempa bumi dan tsunami di Pulau Nias (2009).



CANDI Borobudur merupakan antara seni bina kuno yang terletak di Yogyakarta.

Galakan usaha untuk mencari rezeki

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Kehidupan kita di dunia ini adalah satu amanah yang akan dipertanggungjawabkan ke atas kita di akhirat kelak. Oleh itu hendaklah kita berusaha melakukan apa jua pekerjaan dengan bersungguh-sungguh, jujur dan amanah serta ikhlas kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Naba' ayat 11 tafsirnya:

"Dan Kami telah menjadikan siang dengan Cahaya terangnya masa untuk mencari rezeki."

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan waktu siang sebagai masa untuk kita berusaha mencari rezeki, mencari kenikmatan demi untuk meneruskan kehidupan di muka bumi ini. Ketauhui bahawa Allah Subhanahu Wata'ala amat kasih kepada orang yang berusaha atau bekerja mencari rezeki bagi memenuhi keperluan diri, keluarga dan masyarakat. Islam juga melarang umatnya dari bersikap pemalas dan meminta-minta kepada orang lain. Kerana sikap tersebut boleh merendahkan harga diri atau maruah umat Islam. Dalam sebuah hadis daripada Al-Zubair ibni Al-'Aauwam Radiallahuanhu, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Jika salah seorang daripada kamu membawa tali, kemudian mengambil seberkas kayu api lalu menjualnya, maka Allah akan memelihara kehormatannya dan ianya lebih baik baginya daripada meminta-minta kepada manusia sama ada diberi atau tidak."

Kita perlu ingat, sudah menjadi lumrah alam bahawa kejayaan dalam kehidupan ini hasil daripada kerja yang bersungguh-sungguh, bukan dengan hanya duduk berpeluk tubuh tanpa ada usaha yang dilakukan. Dalam membuat suatu usaha atau pekerjaan, kita hendaklah menjauhi perkara-perkara yang diharamkan seperti penipuan, penyelewengan, pecah amanah, tidak jujur dan sebagainya supaya tidak akan timbul penyesalan di kemudian hari. Sesungguhnya rezeki yang diambil daripada punca yang haram akan menimbulkan kecelakaan dan masalah dalam kehidupan, bukan sahaja di dunia malah juga di akhirat kelak.

Dalam sirah ada menceritakan satu peristiwa di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sedang Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam duduk bersama-sama dengan para sahabat Baginda, mereka ternampak seorang lelaki muda belia yang gagah perkasa bentuk badannya yang

sedang dalam perjalanan untuk mencari rezeki. Berkata sahabat-sahabat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam: Sayang sekali, alangkah baiknya jika anak muda ini menggunakan kemudanya dan kekuatannya untuk berjuang pada jalan Allah. Lalu Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menangkis kata-kata sahabat Baginda dengan bersabda:

"Jangan berkata begitu, kerana sesungguhnya jika ia keluar berusaha untuk mencari rezeki bagi tujuan untuk menyara keluarganya dan anak-anaknya yang masih kecil, nescaya perjalannnya itu adalah dikira berjuang pada jalan Allah juga, tetapi jika ia keluar berusaha untuk bermegah-megah dan menyombongkan diri, nescaya perjalannnya itu adalah pada jalan syaitan."

Agama kita melarang malas berusaha dan menolak pengangguran, kerana ia akan mendedahkan kita kepada kefakiran dan menjatuhkan maruah diri. Islam menghendaki setiap umatnya bermaruah dan berdikari, tidak meminta-minta dan berharap kepada bantuan dan belas kasihan orang lain, bahkan sebaliknya menjadi ummah yang kuat dan mampu berusaha sendiri.

Dalam usaha mencari rezeki, terdapat pelbagai cara yang boleh dilakukan seperti bekerja dengan pihak kerajaan atau swasta, ataupun mereka boleh bekerja sendiri dengan bercucuk tanam, bertani, beringga, bertukang, menjadi nelayan dan sebagainya. Apa yang penting ialah pekerjaan itu dilakukan dengan bersungguh-sungguh, jujur dan amanah bagi mendapatkan hasil yang diberkati dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Berusaha mencari nafkah hidup adalah atas kemajuan ummah. Selain itu kita hendaklah juga menanamkan rasa syukur di atas setiap nikmat rezeki yang diperolehi tidak kira banyak atau sedikit, yang penting rezeki yang kita dapat itu dari sumber yang halal. Sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan rezeki yang banyak serta berkat ke atas kita, keluarga dan negara. Oleh itu marilah kita sama-sama menanamkan ke dalam diri kita sifat rajin berusaha tanpa rasa jemu dan berputus asa dalam mencari rezeki. Mudah-mudahan segala usaha yang kita lakukan mendapat berkat dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

menanamkan rasa syukur di atas setiap nikmat rezeki yang diperolehi tidak kira banyak atau sedikit, yang penting rezeki yang kita dapat itu dari sumber yang halal. Sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan rezeki yang banyak serta berkat ke atas kita, keluarga dan negara. Oleh itu marilah kita sama-sama menanamkan ke dalam diri kita sifat rajin berusaha tanpa rasa jemu dan berputus asa dalam mencari rezeki. Mudah-mudahan segala usaha yang kita lakukan mendapat berkat dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Mulk ayat 15 tafsirnya:

"Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki



yang dikurniakan Allah dan ingatlah, kepada Allah juga tempat kembali kamu sesudah dibangkitkan hidup semula. Maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya."

BERUSAHA mencari nafkah hidup adalah atas kemajuan ummah. Selain itu kita hendaklah juga menanamkan rasa syukur di atas setiap nikmat rezeki yang diperolehi tidak kira banyak atau sedikit, yang penting rezeki yang kita dapat itu dari sumber yang halal. Sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan rezeki yang banyak serta berkat ke atas kita, keluarga dan negara. Oleh itu marilah kita sama-sama menanamkan ke dalam diri kita sifat rajin berusaha tanpa rasa jemu dan berputus asa dalam mencari rezeki. Mudah-mudahan segala usaha yang kita lakukan mendapat berkat dan diredayai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

وقت سمبهیغ داعیره بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحى										
وقت سمبهیغ ، امساك ، شوروق دان ضحى باكي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 13 افرييل 2013 برساماعن دعن 2 جمادا الآخر 1434 هيٺ										
كهاري جمعة 19 افرييل 2013 برساماعن 8 جمادا الآخر 1434 اداله سقوت دباءه اين:										
مسحي	هاري	هجريه	امساك	صبح	شوروق	ضحى	ظهر	عصر	مغرب	عشاء
افريل	سبتو	2 جمادا الآخر	4.47	4.57	6.14	6.37	12.22	3.30	6.28	7.38
13	سبتو	2	4.47	4.57	6.14	6.37	12.22	3.30	6.28	7.38
14	احد	3	4.46	4.56	6.13	6.37	12.22	3.31	6.28	7.38
15	اثنين	4	4.46	4.56	6.13	6.37	12.22	3.31	6.28	7.38
16	ثلاث	5	4.45	4.55	6.13	6.36	12.22	3.31	6.28	7.38
17	رابو	6	4.45	4.55	6.12	6.36	12.21	3.32	6.27	7.38
18	خميس	7	4.44	4.54	6.12	6.36	12.21	3.32	6.27	7.38
19	جمعة	8	4.44	4.54	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.38

وقت سمبهیغ باكي داعيره توتوج دتمبه ساتو مينيت دان داعيره بلاعيت دتمبه تيك مينيت دان سمبهیغ فرض جمعة دستوروه نثارا بروني دارالسلام
دمولاعي دري فوكول 12.45 تغه هاري

Majlis Khatamal Qur'an kumpulan lelaki

Oleh : Saerah Haji Abd. Ghani
Foto : Dk. Nurhafiz Pg. Osman

TUTONG, Isnin, 8 April. - Kelas Bimbingan Al-Qur'an Dewasa Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang mengadakan Majlis Khatamal Qur'an berlangsung dalam masjid berkenaan.

Seramai 13 peserta dari kumpulan lelaki Kelas Bimbingan Al-Qur'an Dewasa menyertai majlis berkenaan setelah menamatkan bacaan 30 juz bermula 28 Februari 2011.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid,

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan surah-surah Al-Qur'an oleh para peserta.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan merenjis minyak wangi kepada para peserta dan diselanjurkan dengan penyampaian sijil kepada peserta khatam oleh tetamu kehormat.

Antara tujuan utama majlis diadakan ialah untuk menggalakkan peserta sentiasa mempelajari Al-Qur'an dan mengembangkan majukannya kepada generasi yang akan datang.



PESERTA kumpulan lelaki Kelas Bimbingan Al-Qur'an Dewasa menyertai Majlis Khatamal Qur'an setelah menamatkan bacaan 30 juz bermula 28 Februari 2011.

REPUBLIK Kesatuan Myanmar atau dahulunya dikenali sebagai Burma adalah sebuah negara yang terletak di Asia Tenggara yang bersempadan dengan Republik Rakyat China di utara, Laos di timur, Thailand di tenggara, Bangladesh di barat, India di barat laut, manakala di bahagian selatan dan barat daya negara itu dikelilingi oleh Laut Andaman dan Teluk Bengal.

Republik ini mencapai kemerdekaan daripada jajahan United Kingdom pada tarikh 4 Januari 1948 sebagai 'Kesatuan Burma'.

Presiden Republik Kesatuan Myanmar pada masa ini ialah Tuan Yang Terutama U Thein Sein. Sebelum menjadi presiden, Tuan Yang Terutama pernah menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri republik tersebut mulai tahun 2007 hingga 2011.

Naypyidaw yang berada di daerah Mandalay adalah ibu negara bagi republik ini, akan tetapi Yangon adalah bandar terbesar yang memiliki penduduk yang paling ramai.

Republik Kesatuan Myanmar memiliki jumlah penduduk melebihi 60 juta orang yang rata-ratanya terdiri daripada 135 jenis penduduk yang berbilang kaum, majoritinya terdiri daripada kaum Bamar, diikuti dengan Kachin, Kayah, Kayin, Chin, Mon, Rakhine dan Shan.

Dalam perkembangan agama, kira-kira 89.2% daripada penduduk di republik ini mengamalkan agama Buddha Theravada, manakala agama Islam, Kristian dan Hindu juga diamalkan di sini.

Mengikut sejarah, seni budaya dan sastera negara ini telah banyak dipengaruhi oleh agama Buddha Theravada melalui sumbangan yang amat besar dari negara-negara jiran seperti India, China dan Thailand. Ini dapat dilihat dalam bahasa mereka, masakan, muzik, tarian dan pementasan teater seperti tarian asli kebangsaan mereka 'Yama Zatdaw' yang berasal dari India.

Dari segi ekonomi pula, Myanmar adalah sebuah negara yang kaya dengan batu permata, minyak, gas asli dan sumber mineral yang lain.

Negara ini menghasilkan batu permata seperti delima, nilam, mutiara, dan jed yang mana batu delima adalah sumber pendapatan terbesar mereka dan majoriti daripada delima di dunia datang dari negara ini.

Bukan itu saja, negara ini juga merupakan salah sebuah negara terbesar di dunia yang mengeksport produk pertanian semula jadi iaitu beras yang meliputi kira-kira 60% daripada jumlah kawasan tanah yang diusahakan di negara tersebut.

Sementara itu, Mohinga ialah sejenis masakan mi beras dalam sup ikan dan sangat popular dan secara meluas dianggap sebagai hidangan kebangsaan Myanmar.

Negara ini juga memiliki tempat-tempat menarik untuk dikunjungi oleh para pelancong seperti kuil-kuil emas Buddha, batu emas Khaikhtiyo Pagoda, Istana Diraja Mandalay 'Mya Nan San Kyaw', Monywa dan sebagainya.

Tarikh 23 Julai 1997 merupakan detik-detik bersejarah bagi negara ini yang mana Republik Kesatuan Myanmar secara rasminya menjadi



TARIAN asli kebangsaan Myanmar 'Yama Zatdaw' yang berasal dari India.



Republik Kesatuan Myanmar



Susunan oleh:
Pg .Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad

anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Sebelum ini, Myanmar tidak pernah terpilih untuk menjadi tuan rumah kepada Sidang Ke-muncak ASEAN, akan tetapi pada tahun 2014 nanti, Republik Kesatuan Myanmar sangat berbesar hati kerana diberi kepercayaan untuk mengendalikan persidangan tersebut kali ke-23 dan akan menyambut ketibaan negara-negara anggota ASEAN lainnya dengan hati yang terbuka.

HUBUNGAN DUA HALA

Negara Brunei Darussalam tidak pernah ketinggalan untuk menjalinkan hubungan diplomatik yang sentiasa erat dengan republik tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah semasa Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Lawatan Negara Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein di Istana Nurul Iman, menyatakan rasa puas hati baginda di atas usaha sama bernilai di antara Negara Brunei Darussalam dan



Republik Kesatuan Myanmar yang telah dimulakan dalam bidang pendidikan, perkembangan sumber manusia dan hal-hal kesihatan.

Bukan itu saja, usaha sama berkenaan telah membuka laluan bagi para profesional, doktor, jururawat, pekerja dan pelajar dari republik itu untuk datang ke Negara Brunei Darussalam serta memberikan sumbangan kepada kemajuan negara ini.

Baginda seterusnya bertitah menyatakan rasa yakin Baginda bahawa kunjungan Tuan Yang Terutama itu akan menggalakkan lagi minat dalam membuka peluang-peluang perniagaan, perdagangan dan pelaburan.

Dalam ucapan balasnya, Presiden U Thein Sein menyatakan bahawa Republik Kesatuan Myanmar akan sentiasa menghargai jalinan persahabatan republik itu dengan Negara Brunei Darussalam.

Tuan Yang Terutama turut mengambil kesempatan untuk menyampaikan rasa penghargaan Republik Kesatuan Myanmar



SALAH satu pakaian tradisi Myanmar yang dipopularkan oleh Kaum Bamar.

kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta rakyatnya di atas sokongan berterusan yang diberikan ke arah perubahan republik itu kepada sebuah negara demokrasi.



KUIL Kuthodaw Pagoda merupakan salah sebuah kuil-kuil emas yang terdapat di Myanmar (kiri), sementara gambar atas, Istana Diraja Mandalay atau lebih dikenali oleh masyarakat Myanmar sebagai 'Mya Nan San Kyaw' telah dibina pada zaman pemerintahan Dinasti Konbaung.

Majlis Makan Malam meraikan para Menteri Luar ASEAN



Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Haji Ariffin Mohd. Noor,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Hernie Suliana Haji Othman,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 10 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN sebagai persiapan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22, memberikan jemuan malam bagi Menteri-menteri Luar ASEAN di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia semasa jamuan tersebut memaklumkan kepada Menteri-menteri Luar ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Le Luong Minh mengenai persiapan bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 yang akan diadakan di Bandar Seri Begawan pada 24 hingga 25 April 2013.

DULI Yang Teramat Mulia ketika mengalaukan ketibaan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Marty Natalegawa (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN bergambar ramai bersama Menteri-menteri Luar ASEAN selepas Retreat semasa Majlis Makan Malam bagi Menteri-menteri Luar ASEAN di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

DPPW pengerusikan Mesyuarat APSC Ke-9



MENTERI-MENTERI Luar ASEAN bergambar ramai sebelum Mesyuarat Majlis Politik dan Keselamatan Masyarakat ASEAN Ke-9 (9th ASEAN Political and Security Community Council - APSC).

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Kamis, 11 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large to the Ministry of Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, selaku Pengerusi

Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Politik dan Keselamatan Masyarakat ASEAN Ke-9 (9th ASEAN Political and Security Community Council - APSC). Mesyuarat yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa,

Berakas, di sini merupakan persediaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 yang bakal diadakan di negara ini pada 24 hingga 25 April ini.

Berangkat sama ke mesyuarat tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large to the Ministry of Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, selaku Pengerusi

Mesyuarat yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini merupakan persediaan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 yang bakal diadakan di negara ini pada 24 hingga 25 April ini.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, selaku Pengerusi Mesyuarat Majlis Politik dan Keselamatan Masyarakat ASEAN Ke-9 (9th ASEAN Political and Security Community Council - APSC).

Berangkat pengerusikan Mesyuarat ACC Ke-12



MENTERI-MENTERI Luar ASEAN bergambar ramai sebelum Mesyuarat Majlis Penyelarasan ASEAN Ke-12 (12th ASEAN Coordinating Council - ACC).

Oleh : Nooratini Haji Abas, Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Kamis, 11 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, selaku Pengerusi

Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN hari ini mempengerusikan beberapa mesyuarat termasuk ASEAN Foreign Ministers' Retreat, Mesyuarat Majlis Politik dan Keselamatan Masyarakat ASEAN Ke-9 (APSC) dan Mesyuarat Ke-12 Majlis Penyelarasan ASEAN (12th ASEAN Coordinating Council-ACC).

Mesyuarat-mesyuarat tersebut merupakan persediaan kepada Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan pada 24 hingga 25 April depan di Bandar Seri Begawan.

Berangkat ke Mesyuarat ACC yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large to the Ministry of Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



BERANGKAT sama ke Mesyuarat ACC ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large to the Ministry of Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Mesyuarat antara lain membincangkan perkembangan ASEAN semenjak Sidang Kemuncak ASEAN yang lepas termasuk kerjasama politik dan keselamatan, di samping menerima beberapa laporan untuk dihadapkan kepada ketua-ketua negara / kerajaan ASEAN.

Para menteri juga menekankan pentingnya bagi semua pihak menahan diri daripada mengambil tindakan yang dapat meningkatkan pertengkaran.

APSC diwujudkan untuk memastikan bahawa negara-negara di rantau ini hidup dengan keadaan aman dan damai antara satu sama lain selain persekutuan yang adil dan harmoni.

APSC yang dipandu oleh piagam ASEAN membayangkan ASEAN untuk menjadi komuniti yang berdasarkan peraturan yang bersandarkan kepada nilai-nilai yang dikongsikan bersama selain sebagai rantaian yang bersatu padu, aman dan stabil serta berdaya tahan.

mengikut prinsip-prinsip perundungan antarabangsa, termasuk Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 (United Nations Convention on the Law of the Sea-UNCLOS).

Mereka juga menekankan pentingnya semua pihak untuk menahan diri daripada mengambil tindakan yang dapat meningkatkan pertengkaran di samping menekankan kepentingan sampaikan mengenai enam perkara dasar mengenai Laut China Selatan serta kepentingan untuk mengekal dialog dan perundingan berikut keputusan positif Mesyuarat Ke-19 Perundungan Pegawai-pegawai Kanan ASEAN-China.

Menteri-menteri Luar mengarahkan pegawai-pegawai kanan untuk bekerja secara aktif dengan pihak Republik Rakyat China menyelesaikan awal secara konsensus Kod Etika.



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(B)
DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT),
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN MENURUT PERATURAN 38(b) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DI KEMENTERIAN ATAU JABATAN DI MANA KEKOSONGAN JAWATAN DIKLANKAN

PERATURAN 38 (b)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.
- Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. PEGAWAI PELAJARAN KANAN
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN : SATU (1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ii) Sedang berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
- Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan adalah kelebihan.
- Mempunyai pengalaman yang luas sebagai Pegawai Kanan dalam Pentadbiran Sekolah Arab/Ugama adalah kelebihan.
- Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, lulus tapisan keselamatan dan bersih daripada rekod-rekod jenayah dan Syarie.
- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**2. PEGAWAI PELAJARAN UGAMA KANAN
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN : DUA (2)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
ii) Sedang berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
- Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan adalah kelebihan.
- Mempunyai pengalaman yang luas sebagai Pegawai Kanan dalam Pentadbiran Sekolah Arab/Ugama adalah kelebihan.
- Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, lulus tapisan keselamatan dan bersih daripada rekod-rekod jenayah dan Syarie.

- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

PERINGATAN:

- Bagi iklan jawatan bilangan **1 dan 2** adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di semua Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama**.
- Tarikh Iklan: **13 April, 2013**.
- Tarikh Tutup Permohonan: **11 Mei, 2013**.
- Tempat Menghantar Borang Permohonan:
**PENGARAH PENTADBIRAN,
JABATAN PENTADBIRAN,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
- Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **BILANGAN IKLAN: 24/2013**.

**3. PENGENDALI MESIN PENYUSUN
TAIPGAMBAR TINGKAT KHAS
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
C1 EB.2 (\$1,280 - \$1,930 SEBULAN)
KEKOSONGAN : SATU (1)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Percetakan atau bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan dengan pemeliharaan mesin-mesin taipgambar atau bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Percetakan Kerajaan sebagai Pengendali Mesin Penyusun Taipgambar Tingkat I / Pengendali Mesin Penyusun Taipgambar Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Pengendali Mesin Penyusun Taipgambar Tingkat III atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 5 tahun.
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam perancangan dan pengawalan bahan cetak (Pra-Cetak, Cetak, Jilid dan Logistik) adalah kelebihan.
- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

PERINGATAN:

- Bagi iklan jawatan bilangan **3** adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Percetakan Kerajaan**.
- Tarikh Iklan: **13 April, 2013**.
- Tarikh Tutup Permohonan: **4 Mei, 2013**.
- Tempat Menghantar Borang Permohonan:
**PENGARAH PERCETAKAN,
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
- Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **BILANGAN IKLAN: 25/2013**.

PEMBERITAHUAN :

- Penggunaan Borang SPA/2**
 - Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan **borang SPA/2**. Salinan sijil-sijil, surat-surat akuan dan yang berkenaan hendaklah disertakan.
 - Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/2 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.**
 - Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/2 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.**
 - Borang SPA/2** boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah**.
 - Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan **borang SPA/2**, sila hubungi kaunter Bahagian Pengambilan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di nombor talian **2381961** sambungan **588 & 574**.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
